

PELAN STRATEGIK POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

2016-2020

SENARAI KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.0	Pengenalan : <i>Pelan Strategik Politeknik Kuching Sarawak</i>	2
1.1	Pernyataan Visi dan Misi <i>Politeknik Kuching Sarawak</i>	3
1.2	Objektif Pelan Strategik <i>Politeknik Kuching Sarawak</i>	3
1.3	Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan Transformasi Politeknik	4
2.0	Pengenalan : <i>Teras Pelan Strategik Politeknik Kuching Sarawak</i>	7
2.1	<i>Teras Pertama</i> : Membangunkan Program Pengajian dan Penyelidikan Baru selaras dengan kehendak NKEA (contoh: Program-program bidang tujahan).	7
2.2	<i>Teras Kedua</i> : Memperkasakan Politeknik Ke Arah Menjadi Penyedia TVET Yang Unggul	10
2.3	<i>Teras Ketiga</i> : Membina Budaya Prestasi Tinggi Secara Konsisten	12
2.4	<i>Teras Keempat</i> : Memperkasakan Warga Politeknik Dengan Pengetahuan dan Kemahiran Tinggi	15
	Penutup	17

Disahkan: Januari 2016

PELAN STRATEGIK POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

1.0 Pengenalan

Pelan Strategik Politeknik Kuching Sarawak (PKS) ini bertujuan menentukan arah haluan inisiatif pengurusan PKS yang profesional dan efektif agar dapat menyumbang kepada kecemerlangan organisasi dan seterusnya mampu memberi impak dalam melahirkan graduan PKS yang berkualiti dari segi kebolehkerjaan, kebolehlatihan dan kesediaan untuk pembelajaran berterusan.

Dapat disaksikan menerusi realiti semasa, pasaran kerja kini telah berganjak daripada memerlukan graduat yang memiliki kemahiran bekerja kepada kemahiran kebolehkerjaan. Kemahiran kebolehkerjaan ini penting untuk mempertingkatkan kebolehan melaksanakan pekerjaan baharu yang memerlukan kompetensi serta keupayaan lebih tinggi pada masa hadapan.

Manakala, kemahiran kebolehlatihan lebih merujuk kepada graduat yang boleh dilatih secara berterusan. Ini adalah berikutan dengan arena pekerjaan semasa, graduat perlu sentiasa berkecimpung dalam pendidikan dan latihan tanpa didorong atau ditaja oleh majikannya.

Pada masa yang sama, pasaran kerja kini telah berganjak daripada memerlukan institut TVET yang melaksanakan pengajaran kepada institut TVET yang memudah cara pembelajaran. Justeru, pasaran kerja memerlukan graduat yang memiliki kesediaan untuk mempelajari teknologi baharu dan proses kerja baharu tersebut tanpa diajar dan tanpa perlu meninggalkan tempat kerjanya untuk menjalani latihan baharu.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab warga PKS untuk memastikan kriteria graduan berkualiti dapat dicapai dengan jayanya serta usaha yang berterusan secara profesional dan efektif terus dilaksanakan.

1.1 Pernyataan Visi dan Misi Politeknik Kuching Sarawak

VISI

Penjana utama modal insan inovatif melalui pendidikan dan latihan transformational untuk menjana budaya prestasi tinggi.

MISI

1. Menerobos sempadan untuk membina persekitaran pembelajaran transformatif dan kreatif.
2. Menjana modal insan berinovasi

1.2 Objektif Pelan Strategik Politeknik Kuching Sarawak

Objektif pelan ini dibangunkan adalah sejajar dengan objektif Transformasi Modal Insan PPPT menerusi Pelan Strategik Pembangunan Profesional Efektif iaitu untuk melahirkan:

- i. Warga yang mengamalkan budaya kerja profesional.
- ii. Warga yang berkeupayaan melaksanakan tugas dengan cekap dan menepati hala tuju organisasi.
- iii. Warga yang relevan dengan keperluan serta cabaran semasa.
- iv. Kelompok kritikal yang berupaya memperkasakan daya saing dan mempertingkatkan produktiviti organisasi.

- v. Warga yang bersedia menjalani aktiviti latihan dan pendidikan serta berupaya menginovasi.

1.3 Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan Transformasi Politeknik

Kerangka konseptual pelan ini juga dibangunkan dengan merujuk kepada Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). PSPTN digubal bagi mengupayakan pengajian tinggi negara khususnya di PKS untuk melahirkan modal insan yang memiliki keupayaan pengetahuan dan inovasi serta memupuk modal insan yang mempunyai minda kelas pertama. Usaha pengupayaan tersebut dirumus berpandukan tujuh teras strategik yang dilaksanakan dalam empat fasa berikut:

- Fasa I : 2007 – 2010 (Peletakan Asas)
- Fasa II : 2011 – 2015 (Peningkatan dan Pemerkasaan)
- Fasa III : 2016 – 2020 (Kecemerlangan)
- Fasa IV : Melangkaui 2020 (Kegemilangan dan Kelestarian)

Secara ringkasnya, terdapat tujuh teras strategik PSPTN iaitu:

Teras Pertama	: Meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti
Teras Kedua	: Menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran
Teras Ketiga	: Memperteguh penyelidikan dan inovasi
Teras Keempat	: Memperkasakan institute pengajian tinggi
Teras Kelima	: Mempergiat pengantarabangsa
Teras Keenam	: Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat
Teras Ketujuh	: Mengukuhkan sistem penyampaian Kementerian Pengajian Tinggi

Justeru, untuk merealisasikan PSPTN, politeknik di Malaysia juga turut berganding bahu untuk menjayakannya dengan pelaksanaan Hala Tuju Transformasi Politeknik yang bermula dari tahun 2010 sehingga tahun 2020.


Hasil yang diharapkan daripada pelaksanaan transformasi politeknik pada penghujung tahun 2020 ialah politeknik menjadi institut pilihan, graduat politeknik mempunyai tahap keboleherjaan dan daya keusahawanan yang tinggi, dan mengubah persepsi masyarakat yang lebih positif terhadap politeknik sebagai institut TVET yang unggul.

Petunjuk kejayaan terhadap pencapaian hasil tersebut harus menuju kepada :

- 50 peratus lulusan SPM yang layak memilih politeknik sebagai pilihan pertama untuk melanjutkan pelajaran.
- 85 peratus graduat politeknik sama ada mendapat pekerjaan atau melanjutkan pelajaran dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian.
- Politeknik menjadi peneraju TVET serantau.

Pencapaian terhadap ketiga-tiga hasil yang diharapkan daripada pelaksanaan transformasi politeknik tersebut adalah bergantung kepada sumber manusia yang kompeten, berwatak profesional dan efektif. Perkara ini amat penting dalam penyempurnaan misi politeknik untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang transformatif dan kreatif ke arah menjana ekonomi yang dipimpin oleh inovasi.

Oleh hal yang demikian, teras perancangan tindakan strategik dalam inisiatif transformasi politeknik ialah pembinaan budaya kerja cemerlang menerusi pembangunan sumber manusia di politeknik yang kompeten.



Rajah 1 : Hala Tuju Transformasi Politeknik

TERAS PELAN STRATEGIK POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

2.0 Pengenalan

Dalam membangunkan pelan strategik ini, terdapat empat (4) teras yang menjadi sandaran iaitu:

- | | |
|----------------------|---|
| <i>Teras Pertama</i> | : Membangunkan Program Pengajian dan Penyelidikan Baru selaras dengan kehendak NKEA (contoh: Program-program bidang tujahan). |
| <i>Teras Kedua</i> | : Memperkasa politeknik ke arah menjadi penyedia TVET yang unggul. |
| <i>Teras Ketiga</i> | : Membina imej dan budaya berprestasi tinggi secara konsisten. |
| <i>Teras Keempat</i> | : Memperkasakan warga politeknik dengan pengetahuan dan kemahiran tinggi. |

2.1 *Teras Pertama* : Membangunkan Program Pengajian dan Penyelidikan Baru selaras dengan kehendak NKEA (contoh: Program-program bidang tujahan).

Menerusi *Teras Pertama* ini iaitu Membangunkan Program Pengajian dan Penyelidikan Dalam Bidang Tujahan adalah menjadi fokus utama. Justeru, inisiatif-inisiatif khusus yang akan dilaksanakan di bawah teras ini ialah:

- Meningkatkan usaha penyelidikan gunaan dalam bidang tujahan termasuk aktiviti kolaborasi bersama industri untuk menggalakkan budaya inovasi dan

penghasilan teknologi baharu dalam proses pembuatan dan penambahbaikan produk.

- Melonjakkan rantai nilai (*move up the value chain*) program pengajian melalui *repackaging of programmes* terutamanya dalam penawaran program yang berfokuskan industri.
- Mengembangkan program sedia ada yang mempunyai perbezaan tersendiri (*distinct*) dari perspektif global serta mempunyai rangkaian institusi luar negara seiring dengan pewujudan bidang tujahan (*niche areas*) dan COT/COE.

2.1.1 Analisis SWOT Teras Pertama

Untuk *Teras Pertama*, analisis SWOT yang telah dikaji adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Analisis SWOT Teras Pertama

Kekuatan (S) ✦ PKS merupakan satu-satunya politeknik yang menawarkan bidang petrokimia sebagai bidang tujahan. ✦ Pensyarah yang berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang petrokimia.	Kelemahan (W) ✦ Masih meminjam Alat Bantu Mengajar (ABM) dari agensi luar. ✦ Kekangan (jarak & masa) menggunakan kemudahan peralatan dari industri.
Peluang (O) ✦ Kerjasama yang telah sedia terjalin dengan Petronas, Polyplastic dan Titan dalam pelaksanaan P&P.	Ancaman (T) ✦ Persaingan dengan IPT yang menawarkan program yang sama.

2.1.2 Strategi *Teras Pertama*

- Kolaborasi
- Konsultasi
- Kajian, Inovasi dan Penerbitan
- Kecemerlangan P&P (*best practices in methodology & learning tools*)

2.1.3 Tindakan Strategik Untuk *Teras Pertama*

1. Kolaborasi

- 1.1 Memanfaatkan peluang yang dapat dilaksanakan antara PKS dengan industri yang berkaitan (Kepakaran/Teknologi).
- 1.2 Program sangkutan industri yang setara dengan TOT (*Training of Trainers*)
- 1.3 Memanfaatkan sumbangan peralatan, alat bantu mengajar dan sebagainya untuk menjayakan COT.
- 1.4 Memastikan 10 orang pelajar menjalani latihan industri dalam tempoh 5 bulan.

2. Konsultasi

- 2.1 Latihan kesepakaran antara PKS dan industri yang berkaitan untuk menyediakan tenaga pakar.
- 2.2 Menyediakan khidmat nasihat dan latihan dalam bidang yang berkaitan.

3. Kajian, Inovasi dan Penerbitan

- 3.1 Menghasilkan kajian dan inovasi yang berkaitan dengan bidang tujuhan.
- 3.2 Membangunkan modul kursus baru yang berkaitan.

- 3.3 Menerbitkan penulisan dalam bidang tujuhan dalam bentuk jurnal, diges dan kertas kerja yang berkaitan.
- 3.4 Memperolehi tiga (3) geran penyelidikan.

4. Kecemerlangan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (*Best Practices Based on Methodology and Teaching Tools*)

- 4.1 Membangunkan bahan dan peralatan P&P berbentuk simulasi (yang sama di industri).
- 4.2 Membangunkan inovasi ABM dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- 4.3 Melaksanakan program latihan bagi melahirkan 'Master Trainers' berkemahiran dalam bidang tujuhan

2.2 Teras Kedua : Membina Imej dan Budaya Berprestasi Tinggi Secara Konsisten

Persepsi positif terhadap politeknik merupakan salah satu bidang keberhasilan yang perlu dicapai menerusi Hala Tuju Transformasi Politeknik. Dapat disaksikan, pendidikan dan latihan secara 'hands-on' dalam TVET merupakan daya penarik untuk masyarakat memilih politeknik sebagai pusat pengajian selanjutnya khususnya kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Justeru, adalah menjadi keperluan mustahak untuk setiap warga politeknik membangunkan diri bukan sahaja dalam bidang akademik, bahkan kemahiran, budaya penyelidikan, etika dan profesional perlu dimantapkan agar setanding dengan universiti yang lain.

2.2.1 Analisis SWOT *Teras Kedua*

Untuk *Teras Kedua*, analisis SWOT yang telah dikaji adalah seperti berikut:

Kekuatan (S) ➤ Terdapat kemudahan makmal/bengkel di politeknik yang fleksibel bagi tujuan penyelidikan untuk pensyarah mahupun pelajar. ➤ Setiap jabatan akademik mempunyai unit R&D masing-masing yang berhubung dengan Unit R&D induk ➤ Kemudahan ICT adalah terkini ➤ Produk digunakan sebagai sebahagian daripada ABM semasa P&P dan tugas harian	Kelemahan (W) ➤ Budaya penyelidikan masih belum mantap di kalangan pensyarah bukan graduat ➤ Kemudahan bahan rujukan di perpustakaan terhad ➤ Garis panduan penyelidikan dan inovasi belum dimanfaatkan sepenuhnya ➤ Penyertaan aktiviti penyelidikan lebih kepada keperluan kriteria kenaikan pangkat
Peluang (O) ➤ Terdapat peruntukan bagi tujuan penyelidikan diberikan ➤ Banyak platform untuk aktiviti penyelidikan terbuka untuk staf ➤ Produk dapat diperluaskan penggunaannya kepada institut lain ➤ Latihan dengan agensi luar ➤ Kolaborasi dan hubungan baik dengan agensi luar	Ancaman (T) ➤ Persaingan dengan pihak lain dalam mendapatkan geran penyelidikan ➤ Budaya masyarakat pencipta masih pada tahap yang rendah ➤ Persaingan dengan produk di pasaran yang hampir sama

2.2.2 Strategi *Teras Kedua*

- Membina jenama politeknik yang meyakinkan sebagai peneraju TVET yang unggul.
- Mempelbagaikan aktiviti kolaborasi berkaitan penyelidikan dan inovasi dengan penglibatan sektor swasta, IPT dan agensi berkaitan.
- Mewujudkan pakar rujuk penyelidikan dan inovasi.
- Menggalakkan budaya berinovasi dan rekacipta tanpa membataskan kreativiti.

2.2.3 Tindakan Strategik *Teras Kedua*

- Memperluaskan perkongsian ilmu mengenai pendidikan dan penyelidikan TVET dengan institusi/badan/pertubuhan strategik.
- Sering mengadakan seminar penyelidikan dan inovasi peringkat jabatan, politeknik, zon Borneo dan antarabangsa.
- Mempregiat kursus penyelidikan dan rekapipta untuk staf bersama pelajar.
- Membudayakan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dalam pengajaran dan pembelajaran.
- Menggerakkan pasukan PKS yang berkebolehan untuk menjadi panel penilai dalaman dan luaran untuk memudahcara aktiviti penyelidikan, penulisan, pembentangan dan penerbitan.
- Mengadakan Pertandingan Inovasi dan Rekapipta untuk staf dan pelajar bagi semua peringkat sama ada dalaman, luaran, kebangsaan dan antarabangsa.

2.3 *Teras Ketiga* : Memperkasakan Politeknik Ke Arah Menjadi Penyedia TVET Yang Unggul

Elemen yang diperlukan untuk menjana transformasi ialah membina imej bereputasi tinggi dan budaya kerja cemerlang dalam diri sanubari setiap warga politeknik. Elemen ini menuntut kehadiran modal insan yang inovatif dan sentiasa bersedia melakukan anjakan pemikiran. Sifat ini dapat dimiliki dengan adanya usaha berterusan untuk memajukan kerjaya, memantapkan kemahiran insaniah dan budaya pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dilestarikan.

Warga politeknik yang bersemangat untuk membina imej bereputasi tinggi memiliki gambaran yang jelas serta kefahaman yang mendalam terhadap hala tuju

organisasinya. Mereka mempunyai pengetahuan yang mantap dan sentiasa bersedia untuk bekerjasama serta menyokong usaha untuk mencapai visi dan misi politeknik.

2.3.1 Analisis SWOT *Teras Ketiga*

Kekuatan (S) ✦ PSH di politeknik melibatkan kakitangan gunasama yang berkelayakan dan berpengalaman ✦ Kemudahan latihan yang lengkap dan setanding termasuk latihan secara atas talian menerusi E- Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) ✦ Pelbagai pengiktirafan dan anugerah diberikan kepada staf yang cemerlang	Kelemahan (W) ✦ Kos yang tinggi untuk sewaan peralatan bidang kejuruteraan dan bayaran penceramah ✦ Penggunaan fasiliti yang terhad dalam masa tertentu (semasa P&P berlangsung)
Peluang (O) ✦ Peluang yang disediakan oleh SCORE dapat dimanfaatkan ✦ Kerjasama dengan pihak Petronas, Polyplastic dan Titan (kemudahan, P&P dan lain-lain) ✦ Peluang mengikuti latihan dengan agensi luar (INTAN, IPN, INSTUN) ✦ Permintaan menggalakkan daripada lepasan sijil Politeknik/Kolej Komuniti untuk <i>reskilling</i> dan <i>upskilling</i>	Ancaman (T) ✦ Persaingan dengan pusat latihan yang lain ✦ Persepsi masyarakat masih kabur untuk aktiviti PSH di politeknik

2.3.2 Strategi *Teras Ketiga*

- Melaksanakan Amalan Tadbir Urus yang baik dengan persekitaran integriti yang tinggi
- Mewujudkan persekitaran kerja yang inovatif dan kreatif
- Melatih staf secara *Training of Trainers* (TOT) untuk menjadi fasilitator dalam Skim Latihan Graduan

- Memperbanyak latihan kepimpinan
- Meningkatkan kemahiran insaniah staf terutamanya kemahiran generik (*soft skills*)
- Memperkasakan elemen kepimpinan wanita.
- Memberikan pengiktirafan kepada idea-idea yang kreatif dan inovatif ke arah kecemerlangan jabatan.

2.3.3 Tindakan Strategik *Teras Ketiga*

- Mempertingkatkan program-program integriti menerusi ceramah, seminar dan pengauditan.
- Mengadakan Pertandingan Inovatif dan Kreatif untuk semua staf sama ada staf akademik mahupun sokongan akademik.
- Mempergiatkan sistem kualiti (contoh: ISO, 5S) dalam semua program dan unit di PKS.
- Memperkasa Skim Latihan Graduan (SLG) :
 - ❖ Memberi platform kepada alumni politeknik untuk sesi perkongsian ilmu dan pengalaman
 - ❖ Mempertajamkan kemahiran staf sebagai fasilitator menerusi program SLG dan latihan secara berterusan.
- Hari Pengiktirafan Staf dijalankan pada setiap tahun

2.4 Teras Keempat: Memperkasakan Warga Politeknik Dengan Pengetahuan dan Kemahiran Tinggi

Menerusi teras ini, pembentukan warga politeknik yang kompeten adalah menerusi pemerikasaan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran tinggi. Organisasi cemerlang memerlukan warga politeknik yang sentiasa memajukan dirinya menerusi pendidikan. Ini kerana pendidikan menyediakan warga politeknik dengan kompetensi dan keupayaan untuk memikul tanggungjawab pada masa hadapan. Malah, ia dapat memastikan kelestarian daya saing organisasi.

2.4.1 Analisis SWOT Teras Keempat

Kekuatan (S) ➤ Pegawai berkeelayakan, mahir dan mempunyai sijil profesional dari badan profesional yang diiktiraf ➤ Dasar latihan staf telah diwujudkan ➤ Peruntukan khas untuk pelajar bagi menjalani <i>finishing school programme</i> ➤ Biasiswa untuk menyambung pengajian disediakan untuk yang terpilih ➤ Perkongsian ilmu daripada staf yang berkemahiran dan berpengalaman	Kelemahan (W) ➤ Sikap staf kurang komited untuk sesi perkembangan ilmu ➤ Pelajar yang mengikuti kursus-kursus profesional tidak dinilai keberkesananannya.
Peluang (O) ➤ Usaha kerajaan untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat ➤ Banyak IPT yang menawarkan bidang pengajian di peringkat lebih tinggi ➤ Sokongan dan kerjasama agensi luar untuk mengadakan latihan kemahiran	Ancaman (T) ➤ Saingan daripada agensi atau pusat latihan lain untuk mengadakan kolaborasi

2.4.2 Strategi Teras Keempat

- Meningkatkan kemahiran instruksional dan andragogi untuk menjadi fasilitator TVET yang mantap.
- Menubuhkan Pusat Latihan Staf untuk mewujudkan inventori kemahiran staf.

2.4.3 Tindakan Strategik Teras Keempat

- Menggalakkan staf untuk menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi dengan penawaran biasiswa.
- Memperkasakan kewujudan Pusat Latihan Staf :
 - ❖ Mewujudkan inventori kemahiran bagi staf-staf yang pakar dan mempunyai pengalaman untuk melaksanakan sesi perkongsian ilmu.
 - ❖ Membangunkan modul-modul latihan untuk kegunaan kursus.
 - ❖ Latihan keimpinan instruksional dan pembangunan andragogi yang lebih holistik.
 - ❖ Latihan *Refresher Courses* (Contoh : *Facilitating Skills, OBE, AOL, PBL & PoBL*).
 - ❖ Mempergiatkan program Training of Trainers (TOT) untuk bidang-bidang yang kompetitif.

PENUTUP

Pelan strategik ini hanya dapat dilaksanakan dan dijayakan apabila setiap warga PKS memahami dan menghayatinya. Pemahaman dan penghayatan tersebut akan tercapai sekiranya setiap warga PKS meyakini bahawa hasil usaha untuk merealisasikan matlamat budaya prestasi tinggi itu mencetuskan kemajuan kerjaya mereka. Justeru, setiap warga PKS perlu sentiasa mengutamakan kecemerlangan dalam pekerjaan, memajukan diri secara berterusan, menyintai kerja berpasukan, mengamalkan kesetiakawanan, mempamerkan kesarjanaan dan memandang jauh ke hadapan. Elemen-elemen ini akan mencetuskan keyakinan untuk merangsang motivasi diri dan menjadikan pelan ini berjaya dilaksanakan sebagai penyumbang yang bermakna dalam agenda transformasi nasional.

PENERAJU

Pengerusi

Puan Ong Guat Leng

Ketua Penyelaras

Datin Seri Dr. Umikalsom Binti Hj. Othman

Ahli Jawatankuasa

Puan Normala Binti Jaya

Puan Caroline Ann Mai

Cik Siti Nurfaizah Binti Abu

Encik Ermizam bin Edni

Puan Phylliscia Toman

Cik Sujanuriah bte Sahidi

Encik Mahathir Bin Mohamad Kamin

Encik Khalid Hussein Bin Tuah

Encik Khairul Hisham Bin Shahari